



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2 TAHUN 2012

**PENETAPAN ITEM INVENTORI BAGI TUJUAN
PENDAFTARAN DAN PELABELAN MENGIKUT
TATACARA PENGURUSAN ASET ALIH (TPA)
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA****1. TUJUAN**

Pekeliling Pentadbiran ini adalah bertujuan untuk membuat penetapan bagi item inventori bagi memudahkan item tersebut dikenal pasti bagi tujuan pendaftaran dan pelabelan. Penetapan ini perlu dilakukan untuk memastikan pengurusan inventori dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan di peringkat Jabatan/ Bahagian/Pejabat Pengarah Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan LHDNM dan penguatkuasaan Tatacara Pengurusan Aset (TPA) LHDNM dapat dilaksanakan sepenuhnya.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 TPA telah dikuatkuasakan pada 2 Januari 2010 dan ia merangkumi peraturan pendaftaran aset alih dengan objektif berikut:
- (a) Mewujudkan pangkalan/maklumat data yang lengkap, tepat dan kemas kini;
 - (b) Memudahkan pengesanan dan pemantauan;
 - (c) Membolehkan keadaan aset diketahui; dan
 - (d) Memudahkan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian aset.
- 2.2 Walaupun LHDNM merupakan sebuah badan berkanun, namun LHDNM telah menggubal pekeliling dan tatacara pengurusan aset alihnya berpandukan peraturan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan bagi meningkatkan pemantauan pengurusan kewangan. Oleh yang demikian semua inventori perlu didaftar serta dilabelkan.
- 2.3 LHDNM telah diarahkan supaya melaporkan kedudukan inventori kepada Kementerian Kewangan melalui Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) pada setiap suku tahun. Oleh itu, adalah sangat penting penetapan ini dibuat bagi memastikan maklumat kuantiti dan jumlah perolehan inventori yang dilaporkan adalah tepat.
- 2.4 Walau bagaimanapun, Jabatan Perolehan Dan Aset (JPDA) mendapati wujud masalah di peringkat pelaksanaan TPA bagi pendaftaran aset alih kumpulan inventori kerana pihak pelaksana tidak dapat/sukar mengenal pasti item yang perlu didaftarkan sebagai inventori. Kekeliruan berkenaan telah menjejaskan keberkesanan pendaftaran inventori amnya dan penguatkuasaan TPA khususnya.

3. PERATURAN

- 3.1 TPA telah mentakrifkan aset alih sebagai aset yang boleh dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat yang lain termasuk aset yang dibekalkan atau dipasang bersekali dengan bangunan. Aset Alih tidak termasuk hamparan, hiasan, langsir dan pinggan mangkuk yang diperolehi tanpa mengira kos.

- 3.2 Aset Alih terbahagi kepada dua (2) kumpulan iaitu:
- (a) **Harta Modal:**
Aset Alih yang harga perolehan asalnya RM1,000 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) dan ke atas setiap satu serta dipermodalkan dan disusutnilaikan sepanjang tempoh hayat.
 - (b) **Inventori:**
Aset Alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM1,000 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) setiap satu serta tidak dipermodalkan dan dianggap sebagai perbelanjaan tahun semasa.

4. PENETAPAN ITEM INVENTORI BAGI TUJUAN PENDAFTARAN

- 4.1 Secara amnya, item inventori merujuk kepada barangan mudah alih, mempunyai jangka hayat, sangat menarik dan perlu dipantau penggunaan/pergerakannya serta ekonomik untuk dikesan. Ia tidak termasuk hamparan, hiasan, langsir dan pinggan mangkuk yang telah diklasifikasikan sebagai bukan aset alih.
- 4.2 Bagi Pejabat Pengarah Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan yang masih belum dipanjangkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Aset, pendaftaran inventori hendaklah dibuat secara manual dengan menggunakan Daftar Inventori LHDNM (Borang LHDNM PA-3).
- 4.3 Secara amnya, satu (1) daftar inventori perlu diwujudkan untuk satu (1) jenis inventori dalam satu (1) Pesanan Pembelian. Contoh-contoh kategori, sub kategori dan jenis adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 4.4 Sebagai panduan am bagi menjelaskan **para 4.1**, aset alih yang perlu didaftar sebagai inventori adalah seperti berikut:
- (a) semua jenis perabot yang nilai perolehan asalnya kurang daripada RM1,000. Contoh: *pedestal*, rak buku, meja, kerusi, almari, dan lain-lain;
 - (b) semua jenis peralatan elektrik yang nilai perolehan asalnya kurang daripada RM1,000 seperti kipas, alat penyejuk udara, peti ais, dan lain-lain **KECUALI** stok domestik seperti seterika dan *jug kettle* di bilik-bilik asrama Akademi Percukaian Malaysia;

- (c) semua jenis item selain (a) dan (b) yang nilai perolehan asalnya kurang daripada RM1,000 tetapi melebihi RM200 seperti *external hard disk*, peti besi, pistol dan telefon. Walau bagaimanapun, ianya **TIDAK TERMASUK**:
- (i) **barangan stok/guna habis** yang diuruskan melalui Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan (TPS) seperti stok domestik (cadar, bantal dan sebagainya), stok peralatan sukan, *toner* dan *thumb drive* (rujuk perenggan 3 dan 151, TPS);
 - (ii) **peralatan/bekalan am pejabat yang tidak ekonomik untuk dikesan**. Contoh: Jam/tong sampah *stainless steel* yang diletakkan di tempat awam tidak perlu didaftar sebagai inventori tetapi memadai diberi tanda pengenalan yang jelas seperti ditampal logo, dicat atau disemburkan dengan tanda 'HAK MILIK LHDNM'; dan
 - (iii) **alat ganti** seperti *processor*, RAM, tayar, komponen dalam alat penghawa dingin dan sebagainya.

4.5 Pengurusan sesuatu Jabatan/Bahagian/Pejabat Pengarah Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan perlu menentukan sama ada sesuatu item itu ekonomik untuk dikesan sebelum mengklasifikasikannya sebagai inventori. Peralatan pejabat yang tidak ekonomik untuk dikesan adalah tidak tertakluk kepada prosedur Bab F, TPA (Kehilangan Dan Hapus Kira). Ini bagi memastikan LHDNM tidak kerugian sumber dan masa dalam menyiasat kes-kes kehilangan item yang tidak ekonomik untuk dikesan.

4.6 Sekiranya kumpulan aset alih sesuatu item masih tidak dapat dikenal pasti, pihak Jabatan/Bahagian/Pejabat Pengarah Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan hendaklah merujuk JPDA secara bertulis untuk penentuan kumpulannya.


5. PANDUAN MELABEL INVENTORI

5.1 Berdasarkan Bab B, TPA LHDNM, perenggan 10.2(a)(ii), semua aset hendaklah diberi tanda pengenalan dengan cara melabel barkod iaitu bagi inventori – label barkod dijana dari sistem pengurusan aset berkomputer LHDNM.

- 5.2 Walau bagaimanapun, bagi Pejabat Pengarah Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan yang masih belum dipanjangkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Aset, pelabelan hendaklah dibuat secara manual berdasarkan penomboran berikut:

KOD	PENERANGAN	CONTOH
PTJ	Pusat Tanggungjawab yang membuat perolehan inventori	J03 Cawangan Kluang
AKTIVITI	Bagi mengenalpasti kegunaan/penempatan inventori mengikut aktiviti PTJ	01180 Unit Pentadbiran
INVENTORI	Kod bagi memudahkan pengenalan item inventori	INV
NOMBOR INVENTORI	Nombor inventori (5 digit)	00001
TAHUN PEROLEHAN	Tahun Perolehan inventori tersebut dibuat	2012

Contoh pelabelan aset adalah seperti di bawah:



5.3 Item yang telah didaftar sebagai inventori perlu dilabel dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (a) Label ditampal di tempat yang sesuai agar ia tidak mencacatkan pandangan serta tidak menjejaskan fungsi/kegunaan inventori berkenaan;
- (b) Label tidak menghalang sebarang pengenalan terperinci mengenai inventori berkenaan seperti nombor siri atau nama model;
- (c) Label mestilah ditampal di tempat yang tidak/jarang disentuh, tidak terdedah kepada cahaya matahari/wap bagi memastikan cetakan label berkenaan tahan lama; dan
- (d) Label bagi inventori yang terlalu kecil seperti telefon bimbit 'poo!' dan kamera atau inventori yang penggunaannya sendiri boleh menjejaskan jangka hayat label seperti cerek elektrik, perlu diletakkan di tempat yang sesuai seperti diikat dengan tali halus pada inventori tersebut atau ditampal di fail masing-masing.

5.4 Pegawai Aset hendaklah memeriksa keadaan label dari semasa ke semasa untuk memastikan ia masih boleh dibaca dan tidak terjejas oleh cuaca/sentuhan/usia. Sekiranya perlu, label hendaklah dicetak semula bagi menggantikan label lama. Walau bagaimanapun, label lama hendaklah ditanggalkan secara berhati-hati agar tidak menjejaskan material/bahan inventori berkenaan.

6. PENGUATKUASAAN

6.1 Pekeliling Pentadbiran Bil. 2 Tahun 2012 ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 dan perlu dilaksanakan oleh semua Jabatan/Bahagian/Pejabat Pengarah Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan dan semua Pegawai Aset hendaklah memastikan semua aset alih LHDNM di bawah kawalannya diurus mengikut tatacara dalam Pekeliling ini melainkan jika terdapat arahan lain yang dikeluarkan oleh Jabatan Perolehan dan Aset.

- 6.2 Pihak Jabatan/Bahagian/Pejabat Pengarah Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan boleh menghubungi pegawai-pegawai Jabatan Perolehan dan Aset seperti berikut di talian 03-83138888 untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai Pekeliling ini:

Encik Zamil Bin Mat Sharif (samb. 20559)

Puan Nazima Binti Yaakob (samb. samb. 20516)

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”

[DATUK SABIN BIN SAMITAH]

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

27 Januari 2012

s.k. :

- i. Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM
- ii. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah
- iii. Pengarah Jabatan / Bahagian / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan

Kategori	Sub Kategori	Jenis	
PERALATAN DAN KELENGKAPAN ICT	PENCETAK (PRINTER)	LASER	
		LINE PRINTER	
		BAR CODE PRINTER	
		CARD PRINTER	
	PERALATAN STORAN	EXTERNAL HARD DISK (STOK)	
	PENGIMBAS (SCANNER)	ALAT PENGIMBAS KAD	
		PENGIMBAS OMR	
	RAK PERALATAN ICT	RAK SERVER	
PERALATAN DAN KELENGKAPAN PEJABAT	MESIN PEJABAT	MESIN TAIP ELEKTRONIK	
		MESIN PERAKAM WAKTU	
		MESIN LABEL	
		MESIN PENGIKAT (STRAPPING MACHINE)	
	PERALATAN PEJABAT	KIPAS ANGIN SILING	
		KIPAS ANGIN BERDIRI	
		JAM	
		KIPAS ANGIN MEJA	
		KIPAS ANGIN KOTAK	
		KIPAS ANGIN KABUS (MIST FAN)	
		TROLI	
		PEMBERSIH HAMPAGAS	
		ALAT STAPLER TUGAS BERAT	
		ALAT MENGHITUNG (COUNTING DEVICE)	
		LAMPU MEJA	
		TIANG BARISAN (QUEUE UP STAND)	
		TALI BARISAN (QUEUE UP)	
		LOCENG LETRIK	
		KIPAS ANGIN DINDING	
		PEMOTONG POLISTIRENA (POLYSTYRENE)	
		PENEBUK LUBANG TUGAS BERAT	
		MESIN PENIMBANG SURAT	
		PEMOTONG KERTAS	
		PERALATAN PANDANG DENGAR	LCD PROJECTOR
			OHP PROJEKTOR
			SLIDE PROJECTOR
			DIRECT PROJECTOR
	DIGITAL PROJECTOR		
	VIDEO SPLITTER		
	VIDEO/PA SWITCHER		
	AUDIO AMPLIFIER AND MIXER		
	VIDEO VISUALIZER		
	SISTEM MIKROFON/MIKROFON (MICROPHONE)		
PEMBESAR SUARA (SPEAKER)			
CONFERENCE SYSTEM			
CASSETTE PLAYER AND RECORDER			
VIDEO TAPE PLAYER AND RECORDER			
CD/VCD/DVD PLAYER AND RECORDER			
ASTRO RECORDER			
AUDIO PLAYER AND RECORDER			
VIDEO EDITING MACHINE			
RADIO			

Kategori	Sub Kategori	Jenis
		SET KARAOKE
		TELEVISYEN
		PROJECTION SCREEN
		LCD SCREEN
		ELECTRONIC WHITE BOARD
		ELECTRONIC DISPLAY BOARD
		ROSTRUM
		HELLA
		SISTEM PA MUDAHALIH
		SISTEM SIAR RAYA (SYSTEM PA)
		INTERACTIVE BOARD
		PLASMA SCREEN
		LIFT AUDIO
		DVD DUPLICATOR
		NETWORK DISPLAY SYSTEM
		AUDIO VIDEO TRANSMITTER
		FILEM/SLIDES SCANNER
		TV BOX
		KOD (Karaoke-On-Demand) Player
		PROJEKTOR INTERACTIVE KIT
	PERALATAN PAMERAN	
		KOTAK PAMERAN PLASTIK
		KOTAK PAMERAN KACA
		ALMARI PAMERAN KACA
		PEMAPAR POSTER
		MEJA PAMERAN
		PAPAN TANDA DAN CARTA
		MODEL PAMERAN
		REPLIKA PAMERAN
		BAHAN PAMERAN
		RAK PAMERAN
		PATONG PERAGAAN (MANNEQUIN)
		KOTAK PEMAPAR POSTER
		PETI PENYIMPANAN BAHAN PAMERAN
		EASEL KAYU
	PERALATAN PERCETAKAN	
		MESIN OFFSET
		MESIN RIISO
		MESIN PERCETAKAN (PRINTING MACHINE)
		MESIN SORTER
		MESIN STENSIL
		MESIN PEMOTONG KERTAS
		MESIN PENEBUK LUBANG
		MESIN PENJILID
		MESIN LAMINATING
		MESIN STAMPING
		DOCUMENT FEEDER
		MESIN HEMPIT PERCETAKAN ELEKTIK
		MESIN HEMPIT PERCETAKAN MANUAL
		ROUNDING MACHINE
		IMAGE SETTER
		FILM PROCESSOR
		PLATE MAKER
	PERALATAN FOTOGRAFI	
		KAMERA
		KAMERA DIGITAL
		KAMERA VIDEO
		KAMERA POLAROID
		PEMEGANG TRIPOD

Kategori	Sub Kategori	Jenis
	TEMPAT PENSTORAN	
		RAK PIGEON HOLE (BESI)
		RAK PIGEON HOLE (KAYU)
		RAK STOR TERTUTUP
		RAK STOR PALET
		RAK PLASTIK
		RAK UBAT
		RAK STOR TERBUKA
		RAK CANTILEVER
		RAK AUDIO VISUAL
		RAK KAD PERAKAM WAKTU
		KABINET FAIL BERGERAK
		KABINET UBAT
		KABIN
		RAK PELAN/BUNTING
	PERALATAN PENYAMAN UDARA	
		ALAT HAWA DINGIN UNIT BERASINGAN
		ALAT HAWA DINGIN TINGKAP
		ALAT HAWA DINGIN MUDAH ALIH
		ALAT PENYEJUK UDARA/MEMBERSIH UDARA
	PAPAN KENYATAAN /TULIS	
		WHITEBOARD
		SOFTBOARD
		FLIPCHART BOARD
		ELECTRONIC WHITE BOARD
		PAPAN HITAM
		FLANNEL BOARD
	PETI	
		PETI BESI
		PETI TENDER
		PETI WANG TUNAI
		PETI CADANGAN
		PETI BARANG
PERALATAN DAN KELENGKAPAN DAPUR		
	DAPUR /STOVES	
		DAPUR GAS
		DAPUR ELEKTRIK
		PERIUK TEKAPAN /PRESSURE COOKER
		PERIUK MASAK PERLAHAN /SLOW COOKER
		PERIUK NASI GAS
		DAPUR TRADITIONAL -KAYU/ARANG
		PEMANGGANG /GRILL
		DAPUR BERKETUHAR
		DAPUR BERGERAK
		CONVECTION OVEN
	PERKAKAS ELEKTRIK DAPUR	
		KETUHAR GELOMBANGMIKRO /MICROWAVE
		BEKAS PEMANAS AIR /WATER HEATER
		HOT PLATE COOKER
		KETUHAR LETRIK
		PETI SEJUK DOMESTIK
		PETI SEJUK BEKU DOMESTIK
		PEMBAKAR ROTI
		PERIUK NASI ELEKTRIK
		CEREK ELEKTRIK / PEMANAS
		JUG ELEKTRIK
		MESIN PENGISAR MAKANAN
		MESIN PENGISAR DAGING
		MESIN PENGISAR BUAH-BUAHAN
		MESIN PENGULI DOH
		MESIN PENGADUN KEK

Kategori	Sub Kategori	Jenis
		MESIN PARUT KELAPA
		PEMBAUT KOPI (COFFEE MAKER)
		MESIN PENGGELEK DOH
		ALAT PEMANAS MAKANAN
		WAFFLE MAKER
		AIRBRUSH MACHINE
		BAKERY PROOFER
	ALATAN DAPUR /KITCHEN UTENSIL	
		SISTEM PEMBERSIH AIR /PENAPIS AIR
		MESIN DOBI
		MESIN PENDING PAKAIAN
		MESIN PEMBASUH PINGGAN
		TROLI HIDANG
		WATER DISPENSER
		PENGISAR AIS
	PERABOT DAPUR	
		KABINET DAPUR
		MOBILE STALL
		HOB (HOBS)
		HOD (COOKER HOOD)
		RAK DAPUR
		KITCHEN WORK TABLE
PERALATAN DAN KELENGKAPAN TELEKOMUNIKASI		
	TELEFON	
		TELEFON TALIAN
		TELEFON SATELIT
		TELEFON BIMBIT
		TELEFON MUDAH ALIH
		ALAT KELUI
		KEYPHONES
	WALKIE TALKIE	
		WALKIE TALKIE (PORTABLE COMM RADIO)
		WALKIE TALKIE BATTERY CHARGER
		MOBILE REPEATER
	INTERCOM	
		INTERCOM SATU HALA
		INTERCOM DUA HALA
	RADIO KOMUNIKASI	
		STATION KAWALAN (CONTROL STATION)
		MOBILE RADIO
		RADIO WIRELESS
	ALAT KOMUNIKASI	
		MESIN PABX
		MESIN FAKSIMILI
		MESIN KRYPTO
		MESIN JAWAB AUTOMATIK
		OPERATOR SWITCHBOARD
PERALATAN DAN KELENGKAPAN PENYIARAN & MUZIK		
	ALAT SIAR AUDIO	
		COMPRESSOR/LIMITER
		EQUALIZER
	ALAT SIAR VIDEO	
		001 - VIDEO SWITCHER/MIXER
	KELENGKAPAN STUDIO	
		MUSIC STAND NOTE
	ALAT MUZIK TIUP (WIND INSTRUMENT)	
		FLUTE
	ALAT MUZIK TALI (STRING)	
		GUITAR

Kategori	Sub Kategori	Jenis
	ALAT MUZIK PERKUSI (PERCUSSION)	
		KOMPANG
		GAMELAN
		REBANA
		TABLA
		GONG
		SIDE DRUM
	ALAT MUZIK KEKUNCI (KEYBOARD)	
		ACCORDION
		KEYBOARD
	SISTEM SATELIT	
		ANTENNA
PERALATAN DAN KELENGKAPAN KESELAMATAN		
	KAWALAN KESELAMATAN FIZIKAL	
		BARRIER GATE
		CCTV CAMERA
		CCTV DIGITAL VIDEO RECORDER
		CCTV COLOUR MONITOR
		SISTEM CCTV
		MAGNETIC SAFETY SYSTEM
		RF SAFETY SYSTEM
		BIOMETRIC READER
		KUNCI KESELAMATAN
		LAMPU PENGGERA(ALARM BEACON)
		SIREN PENGGERA
		THERMAL IMAGING CAMERA
		NIGHT VISION
		RADAR
		LOCENG PENGGERA
		CHIP/CHIP CARD READER
		LAMPU KESELAMATAN
		BEG/PETI KESELAMATAN
		PENGGERA KESELAMATAN
		PENGUNCI TAYAR KENDERAAN (VEHICLE WHEEL CLAMP)
		PENGIMBAS LOGAM (METAL SCANNER)
		SISTEM KAWALAN PINTU MASUK
		SISTEM KAWALAN PENGAWAL
		MESIN PENGELUAR TIKET
		GANTRY GATE (PAGAR KESELAMATAN)
	KAWALAN KEBAKARAN	
		PEMADAM API
		PENGESAN ASAP
		FIRE FIGHTING SPRINKLER
		HOSE REEL SYSTEM
		FIRE HYDRANT
		PINTU RINTANGAN API
		PORTABLE PUMP
		FLOATING PUMP
		OSCILLATING MONITOR
		FIRE CONTROL PANEL
		HEAT DETECTOR
		FIRE EXTINGUISHER STAND
	SENJATA DAN PERTAHANAN	
		PISTOL
		RIFEL
		AIR RIFEL
		REVOLVER
		SHOT GUN
		BELANTAN
		COTA
		GARI

Kategori	Sub Kategori	Jenis
	PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI (PPE)	
		HELMET KESELAMATAN
		ALAT PERLINDUNGAN MATA
		ALAT PERLINDUNGAN TELINGA
		JAKET / VEST KESELAMATAN
		KASUT KESELAMATAN
		BUT KESELAMATAN
		SARUNG TANGAN KESELAMATAN
		SUT KESELAMATAN KIMIA
		COVERALL SUIT
		BAJU KALIS PELURU
	PERALATAN PENYELAMAT DARAT	
		TALI PENYELAMAT
		HARNES
		KOMPAS
		LAMPU SULUH PENYELAMAT
	PERALATAN PENGESAN KEBAKARAN	
		MULTI GAS DETECTOR
PERALATAN DAN KELENGKAPAN BENGKEL / KEJURUTERAAN		
	MESIN/ PERALATAN MEKANIKAL DAN LOGAM	
		001 - DUST EXTRACTOR
		002 - VENTILLATION FAN
		007 - CUTTING MACHINE (METAL)
		008 - DRILLING MACHINE
		013 - AIR COMPRESSOR
		014 - GRINDING MACHINE
	MESIN PERALATAN ELEKTRIK/ ELEKTRONIK	
		CLAMP AMMETER
		MULTIMETER
		LAN TESTER
	MESIN /PERALATAN KAYU DAN ROTAN	
		PAHAT KAYU
		TANGGA
		HAND DRILL
		WATER TANK
	PERALATAN KENDALIAN MEKANIKAL	
		HOIST
		FORKLIFT
		PLATFORM
	MEJA KERJA	
		ENGINEERING TURNTABLE
PERALATAN DAN KELENGKAPAN SUKAN / REKREASI		
	KELENGKAPAN GIMNASIUM	
		FITNESS EXERCISE BIKE
KENDERAAN		
	TIDAK BERMOTOR	
		BASIKAL
PERABOT		
	MEJA	
		MEJA PENGURUSAN TERTINGGI
		MEJA KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESSIONAL
		MEJA KUMPULAN SOKONGAN
		MEJA TEPI PEGAWAI
		MEJA JURUTRENGKAS
		MEJA JURUTAIP
		LACI MEJA KEKAKI /PEDESTRAL DRAWER
		MEJA MESYUARAT PENDEK
		MEJA MESYUARAT PANJANG
		MEJA MESYUARAT PENJURU /CURVE
		MEJA MESYUARAT UTAMA /BESAR

Kategori	Sub Kategori	Jenis
		MEJA MESYUARAT /KECIL
		MEJA KOMPUTER
		MEJA KACA
		MEJA BANQUET
		MEJA SERBAGUNA
		SET MEJA MAKAN
		MEJA MAHKAMAH
		MEJA KULIAH/LATIHAN
		MEJA PELAJAR
		MEJA DRAFTING
		MEJA LIPAT
		MEJA KAUNTER
		BAR KOPI /COFFEE BAR
		MEJA SOLEK
		MEJA PERPUSTAKAAN /CARREL
		MEJA PARA
		MEJA MESYUARAT SEPARA BULAT
		MEJA MAKAN BERPUTAR
		MEJA MESIN PENCETAK /PRINTER TABLE
		MEJA REHAL
	KERUSI	
		KERUSI PENGURUSAN TERTINGGI
		KERUSI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESSIONAL
		KERUSI KUMPULAN SOKONGAN
		KERUSI KOMPUTER
		KERUSI KULIAH/LATIHAN
		KERUSI MESYUARAT
		KERUSI MAKAN
		KERUSI JURUTAIP
		KERUSI TAMU
		KERUSI LIPAT
		KERUSI PELAJAR
		KERUSI BANQUET
		KERUSI DIRAJA
		KERUSI MAKMAL/PELUKIS PELAN
		KERUSI KAUNTER
		KERUSI SAKSI
		KERUSI HAKIM
		BANGKU PANJANG
		KERUSI BERANGKAI /TANDEM CHAIR
		BANGKU /STOOL
		KERUSI REHAT/SANDAR
		KERUSI SOLEK
		KERUSI MEMBACA/PERPUSTAKAAN
		KERUSI TETAMU KEHORMAT
		BANGKU ALAS KAKI
	ALMARI	
		ALMARI BUKU
		ALMARI BUKU BERCERMIN
		GEROBOK BESI
		ALMARI PAKAIAN (WARDROPE)
		ALMARI SOLEK
		ALMARI LAUK
		LOKER
		ALMARI HIASAN
	KABINET	
		KABINET BERLACI
		KABINET ATAS /TOP CABINET
		KABINET RENDAH /LOW CABINET
		KABINET MENDATAR

Kategori	Sub Kategori	Jenis
		KABINET SERBAGUNA
		KABINET PENUH /FULL CABINET
		KABINET KAD
		KABINET MENEGAK
		KABINET BILIK AIR
		KABINET DULANG /TRAY CABINET
	SOFA/SETTEE	
		SET SOFA
		SET SETTEE
		SINGLE SEATER SOFA
		DOUBLE SEATER SOFA
		TRIPPLE SEATER SOFA
		SINGLE SEATER SETTEE
		TRIPPLE SEATER SETTEE
		COFFEE TABLE
		SIDE TABLE FOR SOFA/SETTEE
		KERUSI CLEOPATRA
	RAK	
		RAK FAIL
		RAK TV
		RAK AMPAIAN
		RAK BUKU
		RAK MAJALAH
		RAK KASUT
		RAK GANTUNG
		RAK PENYANGKUT KOT
		RAK KUNCI
		RAK/TRAY KEYBOARD
		RAK KOMPUTER/CPU
	KELENGKAPAN TIDUR	
		KATIL
		TILAM